



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**LATIHAN VOKASIONAL DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK  
DI NEGERI SARAWAK**

**Rohana Binti Isnawi**

**Sarjana Sains  
(Pembangunan Sumber Manusia)  
2014**



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade:

A

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 8<sup>th</sup> day of Sept 2014.

Student's Declaration:

I, ROHANA BINTI ISNAWI, 13030194, FCSDH (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled, VOCATIONAL TRAINING IN CHILD REHABILITATION CENTER IN THE STATE OF SARAWAK is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

08/09/2014

Date submitted

ROHANA BINTI ISNAWI (13030194)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

Prof Madya Dr Hasbee Hj Usop  
Pensyarah  
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
Universiti Malaysia Sarawak  
I, Prof Madya Dr Hasbee Hj Usop (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled, VOCATIONAL TRAINING IN CHILD REHABILITATION CENTER IN THE STATE OF SARAWAK (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of MScHRD (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Prof Madya Dr Hasbee Hj Usop  
Pensyarah

Received for examination by:

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
Universiti Malaysia Sarawak  
(Name of the supervisor)

Date:

8/9/2014

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*

**OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature

(Date) 08/09/2014

Supervisor's signature:

Prof Madya Dr Hestee Hj Utep  
Pensyarah  
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
Universiti Malaysia Sarawak

(Date)

8/9/2014

Current Address: LOT 795, LORONG 10 FASA 2, TAMAN SAMAR INDAH 94300 SAMARAHAN, SARAWAK

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

**LATIHAN VOKASIONAL DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK  
DI NEGERI SARAWAK**

**ROHANA BINTI ISNAWI**

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada**

**syarat untuk**

**Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)**

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**2014**



## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur alhamdulillah kehadiran Allah S.W.T dengan limpah kurniaNya memberkati saya dengan kesihatan yang baik, kekuatan, dan dedikasi dalam menyempurnakan tesis ini.

Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr Hasbee Hj. Usop, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Beliau telah banyak memberi sokongan, dorongan, bimbingan dengan penuh dedikasi dan menjana buah fikiran yang kreatif dalam membantu saya untuk melengkapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Pengetua di kedua-dua buah Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak kerana telah memberi kelulusan dan kerjasama kepada saya untuk mengutip data kajian ini. Tanpa bantuan dan sokongan mereka, proses menyiapkan tesis ini tidak akan dapat dicapai.

Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan buat suami tercinta, Mat Jusoh Bin Muhamad, kedua-dua ibu bapa saya, Isnawi Bin Sirat dan Hajah Hasiah Binti Abdul Rahman, serta anak-anak tersayang, Mohd Aidil Haziq, Nur Adriana Ezzati, Nur Anis Elyani, Nur Azrina Ezzani dan Muhammad Azmil Hazim yang telah berada di sisi saya sepanjang saya menyiapkan penulisan tesis ini. Doa ikhlas, galakan dan sokongan padu mereka telah memberikan saya motivasi dan kekuatan untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir kalam, penghargaan ikhlas saya tujukan khas buat semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

**TERIMA KASIH**

## ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
<b>Penghargaan</b>	i
<b>Isi Kandungan</b>	ii
<b>Senarai Rajah</b>	vii
<b>Senarai Jadual</b>	ix
<b>Senarai Singkatan</b>	x
<b>Abstrak</b>	xi
<b>Abstract</b>	xii
 <b>BAB 1 – PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	
1.3.1 Objektif Umum	7
1.3.2 Objektif Khusus	7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	9

1.7	Definisi Istilah	9
1.7.1	Latihan Vokasional	10
1.7.3	Pusat Pemulihan Akhlak	10
1.8	Rumusan	11

## **BAB 2 – KAJIAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	12
2.1	Isu Dalam Konsep Kajian	12
2.1.1	Latihan Vokasional	12
2.1.2	Jenis-Jenis Latihan Vokasional	14
2.1.3	Minat	15
2.1.4	Cabaran	16
2.1.5	Pusat Pemulihan Akhlak	16
2.2	Teori Berkaitan Dalam Menyokong Isu Kajian	18
2.2.1	Teori Pemilihan Kerjaya Holland	18
2.2.2	Teori Modal Insan	21
2.2.3	Teori Pembelajaran Bandura	22
2.3	Dapatan Kajian-Kajian Lepas	22
2.4	Rumusan	25

## **BAB 3 – METHODOLOGI**

3.0	Pengenalan	26
3.1	Reka Bentuk Kajian	26
3.2	Populasi, Sampel Dan Persampelan	27
3.3	Lokasi Kajian	28
3.4	Instrumen Kajian	28
3.5	Kajian Rintis	30
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	31
3.7	Etika Dalam Kajian	32
3.8	Prosedur Mengumpul Data	34
3.9	Prosedur Analisis Data	35
3.10	Rumusan	36

## **BAB 4 – DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	37
4.1	Profil Demografi	37
4.2	Dapatan Utama	40
4.2.1	Objektif 1: Untuk mengkaji jenis-jenis bidang latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.	40
4.2.2	Objektif 2: Mengenalpasti minat di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat	46



## **Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.**

4.2.3	Objektif 3: Mengenalpasti cabaran yang dihadapi di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.	53
4.2.4	Objektif 4: Apakah langkah-langkah yang dijalankan bagi mengatasi cabaran latihan vokasional yang dihadapi di kalangan Jurulatih/Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.	60
4.3	Rumusan	66

## **BAB 5 – PERBINCANGAN, RINGKASAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0	Pengenalan	67
5.1	Perbincangan	
5.1.1	Objektif 1: Untuk mengkaji jenis-jenis bidang latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.	68
5.1.2	Objektif 2: Mengenalpasti minat di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.	72



5.1.3	Objektif 3: Mengenalpasti cabaran yang dihadapi di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.	75
5.1.4	Objektif 4: Apakah langkah-langkah yang Dijalankan bagi mengatasi cabaran latihan vokasional yang dihadapi di kalangan Jurulatih/Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.	81
5.3	Ringkasan Kajian	84
5.4	Cadangan Kajian	86
5.5	Batasan Kajian	90
5.5	Kesimpulan	92
	<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>93</b>



## **LAMPIRAN**

Lampiran 1: <i>Instrumen Kajian</i>	99
Lampiran 2: <i>Surat Permohonan Kajian dan Surat Kelulusan</i>	108
Lampiran 3: <i>Transkrip Data Dari Informan</i>	116
Lampiran 4: <i>Analisis Matrik</i>	152



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Memilih orientasi pekerjaan	20
2.1 Proses analisis kandungan	27
3.1 Prosedur pengumpulan data	34
4.2.1.1 Jenis-jenis bidang latihan vokasional	40
4.2.1.2 Penerangan tentang jenis-jenis bidang latihan vokasional	42
4.2.1.3 Jenis-jenis bidang latihan vokasional berdaftar dengan JPK	43
4.2.1.4 Kepentingan bidang latihan vokasional	44
4.2.2.1 Minat dalam bidang latihan vokasional di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar	46
4.2.2.2 Persediaan meningkatkan minat dalam bidang latihan vokasional di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar	48
4.2.2.3 Kesan minat dalam bidang latihan vokasional ke atas gaya hidup di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar	49
4.2.2.4 Peluang pembangunan kerjaya dalam bidang latihan vokasional di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar	51
4.2.3.1 Jenis cabaran yang dihadapi oleh Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak	53
4.2.3.2 Bagaimana menghadapi cabaran di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar	59



4.2.4.1	Langkah-langkah mengatasi cabaran yang dihadapi oleh Jurulatih/ Tenaga Pengajar	60
4.2.4.2	Bagaimana langkah-langkah mengatasi cabaran yang dihadapi oleh Jurulatih/ Tenaga Pengajar	62
4.2.4.3	Pandangan terhadap pihak lain dalam membantu mengatasi cabaran	63
4.2.4.4	Pandangan terhadap pelaksanaan latihan vokasional	65
5.2.1	Jenis-jenis bidang latihan vokasional	68
5.2.2	Minat dalam bidang latihan vokasional di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar	72
5.2.2.1	Analisis taburan pola personaliti pekerja dan pelajar pelbagai bidang mengikut Model RIASEK	74
5.2.3	Cabaran yang dihadapi oleh Jurulatih/ Tenaga Pengajar	75
5.2.3.1	Peranan Pengurusan Mintzerberg	76
5.2.4	Langkah-langkah mengatasi cabaran dihadapi oleh Jurulatih/ Tenaga Pengajar	81



## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1.0 Isu pembangunan modal insan	4
2.0 Sektor Industri Bugi Latihan Dan Persijilan Kemahiran	14
3.0 Teknik melaksanakan analisis kandungan	35
4.1 Ringkasan Profil Demografi Informan	39
4.2.1 Ciri dan sifat sistem pendidikan vokasional	70



## **SENARAI SINGKATAN**

- ADTEC** - Pusat Latihan Teknologi Tinggi dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
- AKK 2001** - Akta Kanak-Kanak 2001
- CIAST** - Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
- JKM** - Jabatan Kebajikan Masyarakat
- JPK** - Jabatan Pembangunan Kemahiran
- KPWKM** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
- NOSS** - Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan/ *National Occupational Skills Standards*
- SKM** - Sijil Kemahiran Malaysia
- TEVT** - Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional



## **ABSTRAK**

### **LATIHAN VOKASIONAL DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK DI NEGERI SARAWAK**

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mendapat kefahaman tentang latihan vokasional dalam Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji jenis-jenis bidang latihan vokasional; mengenalpasti minat dalam kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional; mengenalpasti cabaran yang dihadapi dalam kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional; dan langkah-langkah yang dijalankan bagi mengatasi cabaran latihan vokasional yang dihadapi dalam kalangan Jurulatih/ Pengajar yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan dalam usaha untuk lebih mendalami isu yang dikaji. Data untuk kajian ini telah dikumpul menggunakan Soalan Selidik Terbuka ke atas Jurulatih/ Tenaga Pengajar dalam bidang latihan vokasional terpilih dari organisasi terbabit. Seramai lima (5) orang Jurulatih/ Tenaga Pengajar telah dipilih secara persampelan bertujuan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa jenis-jenis bidang latihan vokasional mempunyai hubungan terhadap minat vokasional dalam kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa Jurulatih/ Tenaga Pengajar berhadapan dengan cabaran melibatkan pegawai atasan, rakan setugas dan pelatih. Akhir sekali, hasil kajian juga menunjukkan bahawa Jurulatih/ Tenaga Pengajar berkebolehan mengatasi cabaran tersebut melalui pendekatan tertentu bagi memastikan latihan vokasional di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak dilaksanakan dengan kompetan, efisien dan berkualiti.



## ***ABSTRACT***

### **VOCATIONAL TRAINING IN CHILD REHABILITATION CENTER IN THE STATE OF SARAWAK**

This study was conducted with the aim of getting an understanding of the vocational training at Child Rehabilitation Center in the State of Sarawak. In particular, this study aims to examine the types of vocational training; identify the interest of the Coach / Trainer for vocational training; identify the challenges faced amongst Coach / Trainer for vocational training; and the measures taken to overcome the challenges faced by vocational training among the Coach / Trainer for vocational training conducted at Child Rehabilitation Center in the State of Sarawak. Qualitative research methods are used in order to probe deeper into the issues faced. Data for this study were collected using an open-ended questionnaire given to the Coach / Trainer in the field of vocational training, selected from the organizations involved. A total of five (5) Coach / Trainer were selected by purposive sampling. The results showed that the types of vocational training have a relationship of vocational interest among the Coach / Trainer. The study also found that the Coach / Trainer faced challenges with their superiors, colleagues and trainees. Finally, the study also indicated that the Coach/ Trainer would be able to overcome these challenges through specific approaches to ensure vocational training center at the Child Rehabilitation Center in the State of Sarawak is implemented with competence, efficient, and of quality.



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian dengan memberi penjelasan mengenai pernyataan masalah atau isu dalam kajian ini. Aspek penting dalam bab ini adalah termasuk pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi istilah.

#### **1.1 Latarbelakang Kajian**

Bagi merealisasikan visi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, negara memerlukan lebih ramai tenaga mahir dan pakar dalam pelbagai bidang terutamanya menerusi latihan teknik dan vokasional. Corak penyampaian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) dilaksana dengan pelbagai kaedah, dari kaedah berasaskan sekolah sehinggalah penyusunan latihan bukan formal, ataupun mana-mana kombinasi.

Penubuhan pelbagai Penyedia Latihan Kerajaan oleh agensi kerajaan dan swasta seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menawarkan pelbagai program dalam mempertingkatkan tahap kemahiran pekerja dan memenuhi kehendak pasaran kerja



semasa serta keperluan masa depan. Selain Politeknik dan Kolej Vokasional yang berada di bawah Kementerian Pendidikan, agensi lain seperti Kementerian Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Kesihatan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) turut menyediakan pelbagai program latihan khusus bertujuan membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia (Teras Strategik Ke-4 RMK 10).

Dalam memenuhi aspirasi kerajaan untuk mendapatkan tenaga kerja yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi, pendidikan dan latihan memainkan peranan yang sangat penting. Kejayaan kedua-dua bidang ini perlu mendapat sokongan daripada program pembangunan sumber manusia yang lain seperti kependudukan, migrasi, kesihatan, tenaga kerja, dan guna tenaga (Hashim Fauzy, 2000). Hashim Fauzy (2000) menyatakan, kepentingan pembangunan sumber manusia adalah dalam meningkatkan produktiviti tenaga kerja. Produktiviti tenaga kerja dapat ditingkatkan melalui pelaburan modal manusia menerusi pendidikan dan latihan sama ada secara formal atau tidak formal.

Dalam bidang latihan, pengurusan tertinggi organisasi harus bertanggungjawab untuk menyediakan mutu latihan yang berkualiti tinggi. Menerusi penyediaan struktur, kewibawaan dan sistem latihan yang baik, nescaya dapat meningkatkan daya saing dan kreativiti para pekerja di organisasi. Tahap pendidikan dan latihan yang dimiliki oleh seseorang tenaga kerja dipercayai dapat mempengaruhi kualiti, kemahiran dan seterusnya produktiviti pekerja itu. Sayugia, pendidikan dan latihan merupakan dua komponen



penting yang perlu disusun dan diubah suai sejajar dengan matlamat pertumbuhan ekonomi yang tinggi melalui peningkatan dalam produktiviti.

Latihan vokasional dapat didefinisikan sebagai kaedah pembelajaran yang dibangunkan berasaskan pengetahuan, kemahiran, pembentukan sikap individu dan sesuai dengan keperluan masyarakat termasuk membentuk sikap positif terhadap pekerjaan bagi meningkatkan kerjaya di tempat kerja. Setiap organisasi di Malaysia, mengambil pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pekerjanya belajar dan menambah pengetahuan mereka melalui latihan. Latihan vokasional juga boleh ditakrifkan sebagai proses mendidik pekerja baru tentang kemahiran asas yang mereka perlukan dalam melaksanakan tugas. Pengurusan latihan yang berkesan dapat menghasilkan satu impak positif dengan berlakunya pindahan latihan dalam ilmu, kemahiran dan sikap yang lebih baik. Dengan berlakunya proses ini, pekerja merasa lebih berkeyakinan dan efisien dalam menjalankan sesuatu tugas seterusnya meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan pekerja.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Cabaran merealisasikan hasrat pembangunan modal insan menuntut sistem pendidikan dinilai daripada sudut realiti keupayaannya. Dalam perkembangan normal, seseorang berusaha menyediakan diri untuk bekerja dan akhirnya mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan minat terhadap kerjaya. Analisis yang dibuat ke atas pelbagai faktor berkaitan (Suradi 1996; Fatanah 1997; Lee 2000; Suhaimi 2003; Zalizan et.al. 2001; Guan 2004; Mohd Fadzil 2006; Amla et al. 2008) merumuskan terdapat tujuh (7) cabaran



pembangunan modal insan seperti yang digariskan dalam Jadual 1.

*Jadual 1: Isu Pembangunan modal insan*

Isu	Kategori
Isu 1	Pendidikan yang berorientasikan akademik
Isu 2	Stigma orientasi bukan akademik
Isu 3	Bukan semua pelajar layak dan mahu ke menara gading
Isu 4	Pelajar-pelajar yang berisiko
Isu 5	Kesedaran kerjaya pelajar yang rendah
Isu 6	Kecenderungan mengikut gender
Isu 7	Isu perkembangan kerjaya wanita

Berdasarkan sorotan literatur, kurikulum sekolah adalah berorientasikan akademik dan berfokus kepada peperiksaan. Hanya individu yang mempunyai minat dalam bidang akademik sahaja berpeluang merasa kejayaan sementara individu yang berorientasikan bidang lain seperti pendidikan vokasional, seni dan sebagainya tidak berpeluang untuk berjaya dan menerima pengiktirafan dalam sistem persekolahan. Selain itu, wujud stigma pendidikan vokasional yang dianggap sebagai pengajian kelas kedua. Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) hanya menumpukan pada peringkat sijil dan diploma sahaja dan tidak banyak ditawarkan diperingkat tinggi, menggambarkan nilai bidang latihan vokasional lebih rendah berbanding bidang akademik. Dalam pada itu, terdapat pelajar yang berprestasi akademik rendah dan berisiko yang mana secara realitinya hanya 20% hingga 30% pelajar bersedia, berminat dan berkemampuan melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Pelajar berisiko pula menunjukkan prestasi akademik yang rendah, motivasi belajar yang rendah dan dikaitkan dengan masalah tingkahlaku seperti ponteng sekolah, melanggar disiplin dan melakukan



jenayah lain sehingga ada yang keluar dari sistem sekolah sebelum tamat tempoh persekolahan tanpa sebarang kemahiran asas selepas berada dalam sistem persekolahan selama 11 tahun. Kumpulan ini adalah 40% daripada populasi sekolah. Selain itu, Ramlee dan Norhazizi (2009), menjelaskan bahawa pelajar lelaki adalah lebih cenderung untuk menyara hidup dengan mendapatkan latihan atau terus bekerja berbanding pelajar perempuan yang lebih cenderung melanjutkan pelajaran peringkat universiti. Dari segi pemilihan pekerjaan, mereka lebih cenderung memilih pekerjaan berorientasikan tugas.

Tanggapan umum bahawa pelajar-pelajar yang memasuki program TVET adalah pelajar-pelajar yang gagal menempatkan diri ke sekolah-sekolah akademik dan berkelulusan rendah haruslah diubah dengan melihat perubahan-perubahan yang telah dilakukan oleh Kerajaan selaras dengan perkembangan semasa. Kerajaan Malaysia kini amat menekankan pembangunan pertumbuhan modal insan dalam memainkan peranan utama terhadap pembangunan berterusan Negara. Tenaga kerja yang berkelayakan, berpengetahuan luas dan berkemahiran merupakan landasan dalam persaingan di peringkat antarabangsa di era globalisasi. Salah satu pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan ialah dengan mengadakan satu sistem baru iaitu menyusun semula sukatan pendidikan sekolah menengah dengan penambahan satu aliran baru yang dipanggil "*pengajian vokasional*". Ini bermaksud pelajar-pelajar Tingkatan Empat mempunyai tiga aliran: sains, sastera dan vokasional yang mana pelajar didedahkan kepada pengajian vokasional mulai dari Tingkatan Satu. Kerajaan telah memilih TEVT sebagai komponen utama dalam Rancangan Malaysia ke-10 dengan memberikan tumpuan membangunkan tenaga kerja mahir dengan secukupnya bagi mendorong pertumbuhan ekonomi dan

mncapai sebuah Negara ekonomi berpendapatan tinggi.

Program TVET bukan semata-mata melahirkan tenaga kerja produktif terutamanya untuk pembangunan industri, tetapi juga mengandungi objektif sosial termasuk mengurangkan pengangguran belia, membuka peluang kepada pelajar kurang pencapaian akademik, mengubah aspirasi belia terhadap kemahiran manual dan memperbaiki pendapatan golongan miskin serta kumpulan terpinggir (Ziderman dan Psacharopoulos, 1997). Ini selari dengan dapatan ILO (2003); Psacharopoulos (1997); Yue Ping Chung (1994) iaitu sumbangan program latihan kemahiran dan vokasional terhadap pembangunan sosial pula mengurangkan kadar keciciran pelajar sebagai agen pembasmian kemiskinan. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai pekerja mahir kerana Negara ini memerlukan penambahan pekerja-pekerja mahir sebanyak 14 peratus pada tahun 2015.

Oleh itu, terbukti bahawa terdapat keperluan untuk mengisi jurang ini dan mengkaji mengenai latihan vokasional di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak. Kajian ini memberi fokus kepada aspek seperti berikut: jenis-jenis bidang latihan vokasional; mengenalpasti minat di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar, cabaran dan langkah-langkah menghadapi cabaran di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak sejajar dengan tindakan kerajaan yang telah mentransformasikan Institusi Kebajikan tersebut khasnya dalam bidang latihan vokasional. Ini kerana belum banyak kajian yang dilakukan di Malaysia berkaitan dengan latihan vokasional di Pusat Pemulihan Akhlak namun kajian berkaitan telah dilakukan di luar negara. Roush (1996) menyatakan pusat tahanan sering diabaikan, dikritik dan kurang menerima sokongan serta bantuan oleh agensi



keadilan. Ini menjelaskan mengenai kekurangan sumber berkaitan Latihan Vokasional Efektif dan Pembangunan Kerjaya yang berkaitan dengan tahanan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengkaji latihan vokasional di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.

Manakala objektif khusus kajian ini ialah:

- 1.3.1 Untuk mengkaji jenis-jenis latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.
- 1.3.2 Mengenalpasti minat di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.
- 1.3.3 Mengenalpasti cabaran yang dihadapi di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.
- 1.3.4 Untuk mengkaji langkah-langkah mengatasi cabaran latihan vokasional yang dihadapi di kalangan Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Untuk mencapai objektif kajian, persoalan kajian berikut telah dibangunkan:

- 1.4.1 Apakah jenis-jenis latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.
- 1.4.2 Apakah terdapatnya minat oleh Jurulatih/ Tenaga Pengajar terhadap latihan vokasional yang dijalankan di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Sarawak.